

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL
FATTAH ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE
ORGANIZATION (ACO)**

**SEMINAR KEBANGSAAN
PENGURUSAN DALAM SASTERA
SKePS 2023**

**28 OKTOBER 2023 (SABTU)
12.00 TENGAHARI
SCHOLAR SUITE, UPSI, TANJUNG
MALIM, PERAK**

Bismillahhirrahmanirrahim,

Assalamualaikum

Salam Sejahtera, Salam Malaysia
Madani dan Salam Perpaduan.

1. Alhamdulillah segala puji dan Syukur kepada Allah S.W.T kerana limpah izin dan kurnia-nya dapat

kita bersama–sama hadir ke program keilmuan pada pagi ni iaitu **Seminar Kebangsaan Pengurusan dalam Sastera SKePS 2023** yang dianjurkan buat julung kalinya.

2. Pertama sekali saya ingin menyampaikan penghargaan

kepada Koperasi Penulis BUDIMAN berhad atas kesudian menjemput saya untuk hadir seterusnya program yang diadakan pada hari ini.

3. Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada semua urusetia yang telah bertungkus lumus dalam

merealisasikan seminar ini. Saya yakin berkat usaha keras semua pihak seminar ini akan memberi dampak kepada lanskap kesusasteraan negara.

Hadiran dan hadirat sekalian,

4. Sebagai badan puncak yang memayungi gerakan koperasi negara ini, ANGKASA sentiasa memberikan sokongan penuh kepada usaha yang dilakukan oleh ahlinya baik dari segi meningkatkan taraf ekonomi mahupun memajukan aspek sosial masyarakat di negara ini. ANGKASA

amat berbesar hati dengan dengan usaha murni yang dijalankan oleh Koperasi Penulis BUDIMAN (KOBUDI) Berhad, Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) dan Fakulti Bahasa dan Komunikasi, (UPSI) dalam menganjurkan seminar ini.

5. Untuk makluman para hadirin hadirat sekalian, ANGKASA diberikan tanggungjawab oleh kerajaan bagi membangun dan merangsang perniagaan koperasi dalam sektor berimpak tinggi bagi memastikan ianya kekal relevan sebagai pemacu kesejahteraan

sosio-ekonomi rakyat Malaysia yang penuh berdaya saing.

6. Sebagai entiti yang berpegang teguh dengan prinsip dan jati diri koperasi, pembangunan sosial turut diberi penekanan selaras dengan Prinsip Ketujuh Koperasi iaitu Berprihatin Terhadap Masyarakat.

Justeru ANGKASA juga turut komited dalam menghulur bantuan kepada mereka yang memerlukan melalui Tanngungjawab Sosial Koperasi (CSR) COOPCARE, membantu ahli koperasi mendapat pendidikan berkualiti menerusi pembiayaan pendidikan Yayasan ANGKASA dan terlibat dengan

program-program bersama agensi kerajaan dan badan korporat.

Hadiran dan hadirat sekalian

7. ANGKASA juga tidak terkecuali dalam menyokong usaha untuk memartabatkan bahasa dan kesusasteraan melayu sebagai

khazanah warisan watan yang tiada tandingannya.

8. Dalam hal ini, ANGKASA telah menjalin hubungan kerjasama dan menyambut baik hasrat KOBUDI, Persatuan Penulis BUDIMAN dan Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris

(UPSI) bagi menyemarakkan keterlibatan masyarakat dalam pengurusan kesusasteraan Melayu menerusi aktiviti wacana ilmu seperti yang diadakan pada hari ini.

9. ANGKASA melihat usaha pembudayaan pengurusan kesusasteraan Melayu sangat

penting diterapkan dalam kehidupan masyarakat. Kita tidak mahu warisan ini hilang ditelan zaman. Justeru saya menyeru pihak UPSI supaya dapat memperbanyakkan program sebegini dan meningkatkan keterlibatan pelajarinya.

10. Usaha ini penting bagi memastikan legasi kesusasteraan melayu akan dihayati dan diteruskan oleh generasi akan datang. Sastera membuka ruang kepada apresiasi, diskusi dan kritikan yang mana akan memberi impak positif kepada peradaban masyarakat negara ini.

Hadiran dan hadirat sekalian,

12. Saya penuh yakin penganjuran seminar ini dapat menjadi platform pendidikan yang berkesan dalam membudayakan dan memperkasakan pengurusan kesusasteraan Melayu dalam kalangan masyarakat di negara ini.

13. Semoga usaha murni yang dijalankan ini menjadi asas untuk lebih banyak lagi inisiatif dalam memartabatkan sastera kita, menjaga warisan kebudayaan kita, dan memperkukuhkan identiti negara Malaysia yang berbilang budaya

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim ini, saya dengan ini merasmikan **Seminar Kebangsaan Pengurusan dalam Sastera SKePS 2023** Sebelum saya mengundur diri, izinkan saya mengakhiri bicara dengan serangkap pantun;

**Tanam sirih dalam taman,
Gali lubang tepi perigi;
Terima kasih hadirin Budiman,
Harap kita bersua lagi.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah.
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.